

Makalah / Articles

Media Penyiaran: Implikasinya dalam Pembentukan Akhlak Penuntut-penuntut Melayu di Sekolah Menengah Kebangsaan di Malaysia

(The Influence of Broadcast Media in the Development of Morality Among Malay Students in Malaysian National Secondary Schools)

AHMAD MUNAWAR ISMAIL & MOHD NOR SHAHIZAN ALI

ABSTRAK

Teknologi dalam media penyiaran telah mengalami perubahan pesat dan berterusan semenjak akhir kurun ke-19 hingga awal kurun ke-20. Perubahan-perubahan yang berlaku menjadikan bidang penyiaran sebagai medium utama dalam menyalurkan informasi. Peningkatan teknologi sebegini amat penting terutama dalam memudahkan aktiviti dan proses komunikasi serta menjana informasi dengan kadar yang lebih efisien. Perubahan-perubahan ini merupakan kaedah baru bagaimana kerja-kerja berkaitan pemprosesan maklumat ditukarkan kepada kod-kod untuk tujuan penghantaran, penyebaran dan persembahan maklumat kepada orang ramai dalam bentuk teknologi baru. Perubahan teknologi ini semakin meningkat pada abad ke-21. Perkhidmatan internet dalam kebanyakan masa telah mengambil alih proses untuk mendapat maklumat daripada teknologi lazim. Teknik ini telah membolehkan proses pemindahan data berlaku dengan mudah dan menjimatkan masa sekaligus menambahkan lagi input informasi yang boleh dicapai. Informasi-informasi mengenai pelbagai isu di dunia seperti yang berkaitan berita, mel elektronik, perdagangan, hiburan termasuk menonton dan banyak lagi boleh dicapai dengan mudah melalui kaedah atas talian ini. Justeru, artikel ini bertujuan menilai sejauh mana pengaruh media dalam pembentukan tingkah laku remaja Melayu di Malaysia. Reka bentuk kajian yang digunakan adalah kuantitatif dengan menggunakan soal selidik sebagai instrumen kajian utama. Seramai 1,504 orang yang terdiri daripada penuntut-penuntut Melayu di sekolah menengah kebangsaan di Malaysia telah dipilih sebagai responden. Secara keseluruhan, hasil analisis kajian menunjukkan pengaruh media dalam pembentukan tingkah laku remaja adalah pada tahap yang sederhana, namun data juga menunjukkan semakin meningkat penggunaan media semakin rendah akhlak di kalangan remaja. Dapatan ini diharap dapat membantu kerajaan mengoptimumkan penggunaan media ke arah yang lebih sihat dan berkesan memandangkan pelbagai persepsi negatif ditujukan terhadap media yang dikatakan memiliki pengaruh yang begitu dominan di kalangan generasi muda.

Kata kunci: Media, penyiaran, akhlak, Melayu, pendidikan

ABSTRACT

Technology in the broadcast media had witnessed rapid and consistent changes since the late 19th century to the early 20th century. The changes have lifted the broadcast field as the prime medium in channeling information. Such improvements are vital especially in simplifying communication activity whilst generating information at a more efficient rate. These changes are becoming the new way in which tasks regarding information processing are converted into codes for the purpose of delivering and presenting facts to the public in the form of new technology. The changes in technology are updated in the 21st century. The internet service has replaced the conventional method of information gathering. This technique allows data transfer to be processed easily and quickly whilst adding more input to the information received. Information regarding all sorts of world issues relating to the news, emails, commerce and entertainment including internet streaming can be achieved easily through the said method. This article examines the extent of media influence in shaping the attitude, behavior and morality among Malay youth in Malaysia and it is based on a quantitative research using surveys as the main instrument. The respondents consisted of 1,504 Malay students from national secondary schools in Malaysia. The findings show that the power of the media in shaping the attitude, behavior and morality of Malay youth is at a medium level, which suggests a dominant influence. Further, the findings show that the higher the use of the media, the lower morality among the youth. In view of numerous negative perceptions of the media, it is hoped that the findings are able to help the government to optimize the use of broadcast media in a more health and effective way.

Keywords: Media, broadcasting, akhlaq, Malay, education

PENGENALAN

Teknologi telekomunikasi berkembang pesat selepas Perang Dunia Kedua khususnya selepas *Federation Council of Communication* (FCC) mula mengeluarkan lesen untuk penyiaran televisyen. Pada ketika itu, keutamaan hak penyiaran diberikan hanya kepada stesen yang beroperasi menggunakan VHF (Very High Frequency). Kebanyakan stesen pada peringkat awal itu juga adalah hak milik organisasi rangkaian radio yang besar dan sebahagian besar stesen ini menyiarkan program hiburan. Populariti media yang relatif baru tersebut menyebabkan semakin ramai usahawan yang ingin mengaut keuntungan daripada siaran televisyen, sehingga pada satu peringkat pihak FCC telah bertindak membekukan pengeluaran lesen untuk seketika, iaitu dari 1948 hingga 1952. Kini, terdapat ratusan stesen televisyen di Amerika Syarikat. Namun, stesen utama yang menerajui siaran televisyen ialah *American Broadcasting Company* (ABC milik Syarikat Walt Disney), *Columbia Broadcasting System* (CBS milik Viacom), *National Broadcasting Company* (NBC milik General Electric), *FOX Television* (milik News Corporation) dan beberapa stesen kabel dan satelit terkenal termasuk *Home Box Office* (HBO) dan *Cable News Network* (CNN) (Sherman 1995: 9). Selain stesen-stesen televisyen utama ini, terdapat juga beberapa buah stesen bebas sama ada hak milik sebuah organisasi ataupun beberapa buah organisasi, yang tiada hubungan dengan saluran tradisional.

Penyiaran awam bermula dengan operasi *public broadcasting service* (PBS) yang beroperasi bukan dengan hasrat menjana keuntungan. Tujuannya adalah untuk memberikan pendedahan pendidikan, budaya dan program hubungan awam seperti *Nova* dan *Sesame Street*. Terdapat 350 stesen di Amerika Syarikat yang beroperasi sebagai stesen penyiaran awam. PBS tidak membayar kepada stesen untuk menyiarkan program yang disediakan tetapi stesen menandatangani kontrak untuk menyiarkannya. Di Amerika Syarikat, televisyen adalah medium hiburan dan maklumat yang penting. Sebanyak 99% isi rumah di Amerika Syarikat mempunyai televisyen dan kira-kira 89% mempunyai mesin rakaman (VCR/VTR). Secara purata, setiap isi rumah menerima lebih 40 saluran dan televisyen dipasang 7 jam sehari sama ada hak milik satu organisasi ataupun beberapa organisasi (Dominick, Messere & Sherman 2004: 17).

Di Malaysia, sejarah perkembangan media penyiaran khususnya radio berhubung rapat dengan era penjajahan Inggeris, iaitu bermula pada 1 April 1946. Kegiatan penyiaran radio ketika itu berpusat di Caldecott Hill, Singapura dan berpindah ke Kuala Lumpur dua tahun kemudian (1 Januari 1959) selepas negara memperoleh kemerdekaan daripada British. Penyiaran Televisyen Malaysia mulai beroperasi pada 23 Disember 1963 di Lembah Kelang. Enam tahun kemudian, saluran kedua telah dilancarkan untuk memenuhi objektif penyiaran kerajaan. Dengan itu juga, Radio dan Televisyen Malaysia

(RTM) beroperasi sebagai penyiar awam di bawah Jabatan Penyiaran Malaysia. Hanya setelah terlaksananya Dasar Penswastaan Negara pada 1983, barulah wujud saluran televisyen swasta, bermula dengan saluran TV3 dan diikuti dengan beberapa buah stesen televisyen *terrestrial*. Perkembangan teknologi akhirnya telah memungkinkan pengoperasian sebuah stesen televisyen satelit, iaitu ASTRO. ASTRO dilancarkan secara rasmi pada 1 Oktober 1996 dan merupakan salah satu daripada 89 buah stesen penyiaran yang beroperasi di Asia Pasifik.

Pada akhir kurun ke-19 hingga akhir kurun ke-20, berlaku perubahan yang sangat ketara dalam teknologi penyiaran dan menjadikan bidang ini sebagai medium utama dalam menyalurkan informasi. Perubahan ini (kecanggihan teknologi) amat penting dalam usaha memudahkan aktiviti atau proses komunikasi dan sekaligus informasi dapat dijanakan dengan kadar yang lebih efisien dan berkesan (Caldwell 2000). Bagi Grant (1996) dan Fatawi (2000), perubahan ini lebih merupakan cara baru bagaimana kerja-kerja berkaitan pemprosesan maklumat ditukarkan kepada kod-kod untuk tujuan penghantaran, penyebaran dan persembahan maklumat kepada orang ramai dalam bentuk teknologi baru, sebagai contoh, perkembangan teknologi berformat digital berbanding analog.

Dalam abad ke-21, aktiviti berkomunikasi semakin berubah. Para pengguna telah menggunakan perkhidmatan internet untuk mendapat maklumat secara atas talian. Teknik ini telah membolehkan proses pemindahan data berlaku dengan mudah dan menjimatkan masa sekaligus menambahkan lagi input informasi yang boleh dicapai. Maklumat mengenai berbagai topik di dunia seperti perkara-perkara yang berkaitan berita, menghantar dan menerima mel elektronik, perdagangan, hiburan termasuk menonton dan banyak lagi boleh diperolehi menggunakan cara ini (Mokhtar 2000).

Konsep daripada satu kepada banyak, memperluas lagi aktiviti komunikasi yang sebelum ini agak terhad kerana halangan-halangan seperti faktor kemampuan teknologi pada masa tersebut. Kekurangan kemampuan teknologi terdahulu diperbaiki oleh para pencipta dan penyelidik dari semasa ke semasa sehingga lebih banyak aktiviti komunikasi boleh berlaku dalam jarak yang jauh dengan lebih mudah dan pantas melalui jaringan komputer seperti *world wide web* (Fatawi 2000; Fedler et al. 2005). Justeru, tindak balas yang berlaku semasa menggunakan internet dan *world wide web* menggambarkan seolah-olah semuanya berada dalam satu cakera maya yang besar, saling berkait antara satu sama lain dan boleh digunakan oleh semua orang. Pengaplikasian teknologi dan fungsinya juga tidak terhad untuk berkomunikasi sahaja tetapi lebih daripada itu seperti kawalan radar dalam ketenteraan. Jelas, bahawa antara sumbangan yang semakin mendapat perhatian adalah dalam bidang teknologi komunikasi.

Kewujudan sistem komputer dan internet telah memperluas lagi kegunaan teknologi maklumat dan

komunikasi seterusnya menambahkan lagi ruang untuk meraih ilmu hasil daripada pendedahan teknologi ini. Dalam dunia pendidikan, televisyen dan pendidikan seolah-olah telah disesuaikan dan disatukan. Fenomena ini telah memberikan pilihan kepada pengguna menonton rancangan-rancangan televisyen yang dapat memberikan input informasi. Ledakan informasi yang tiada batasan daripada televisyen ini memberi akses kepada penonton dalam mendapatkan maklumat penting yang diperlukan. Kemahuan-kemahuan yang tidak terbatas dan berterusan daripada televisyen serta pembangunan pantas yang berlaku pada teknologi itu mendorong stesen-stesen televisyen berlumba-lumba melakukan perubahan khususnya dari aspek menghasilkan rancangan dan input informasi yang berterusan serta bermanfaat kepada penonton (Evans et al. 1978).

Melihat dari aspek penyelidikan pula, kajian-kajian mengenai media lazimnya menonjolkan aspek *skepticism*. Televisyen umpamanya, selama lebih daripada empat dekad objek tersebut dikatakan punca kepada pembaziran masa dan telah dipersalahkan dengan dianggap sebagai punca kepada keruntuhan moral dan akhlak remaja (Bianculli 2002: 6). Larking (1997: 40) berpendapat, televisyen adalah berhala zaman moden dan dalam apa juga fungsinya ia akan menjurus kepada hiburan meskipun pada menjelaskan perkara-perkara dan isu-isu yang penting. Menontonnya secara berlebihan akan memberi kesan negatif kepada generasi muda termasuklah menjejaskan suasana kondusif pembelajaran. Francis (1997) dalam kajiannya mengenai pengaruh negatif menonton televisyen ke atas perkembangan sosiopsikologi remaja mendapati menonton televisyen secara berlebihan merupakan antara faktor yang mendorong kepada wujudnya masalah sosiopsikologi di kalangan remaja. Bianculli (2002) dalam kajiannya berkaitan kesan media televisyen terhadap manusia berpendapat, televisyen adalah seperti tong sampah yang besar, semua orang memerlukannya tetapi tidak seorang pun yang menyukainya. Beliau berpendapat, rancangan televisyen yang terbaik adalah rancangan yang dapat memberi kebaikan yang berpanjangan, dan dapat mempengaruhi kebaikan secara berterusan. Namun, jika masyarakat tidak belajar daripada sejarah dan latar belakang pengurusan dan penyusunan televisyen (latar belakang dan bagaimana sesuatu rancangan itu disusun) masyarakat akan gagal dalam memperolehi kebaikan tersebut. Baginya, literasi dan manfaat televisyen mesti dilihat secara menyeluruh membabitkan kefahaman tentang falsafah media serta hubungan kaitnya dengan budaya dan pemikiran manusia (Bianculli 2002: 3-4).

Kajian-kajian yang telah dijalankan di negara ini pula menunjukkan televisyen merupakan media penyiaran yang paling diminati remaja berbanding dengan medium penyiaran lain. Media ini berperanan dan memiliki hubungan yang signifikan dengan pembentukan budaya dan identiti remaja di Malaysia. Selain dari bersifat multimedia, akses yang mudah dan

menyeluruh menyebabkan pada kebanyakan masa media ini telah mengambil alih fungsi bahan bacaan sekaligus mengurangkan minat remaja terhadap aktiviti membaca (Ab. Halim Tamuri et al. 2009). Dari sudut kandungan, kajian yang telah dibuat oleh Ab. Halim Tamuri et al. (2009) mendapati kandungan berbentuk hiburan menduduki senarai yang paling atas dan utama berbanding dengan kandungan yang lain seperti agama, seram atau misteri, pendidikan, humor, pengetahuan am dan sukan. Pendedahan yang tinggi terhadap media khususnya pada kandungan-kandungan yang berbentuk hiburan akan memberi kesan negatif terhadap nilai dan etika remaja Islam khususnya di kalangan bangsa Melayu di Malaysia. Kajian FOMCA (2010) mendapati tingkah laku songsang seperti pembuangan bayi, seks bebas, ketagihan dadah adalah berpunca dari pengaruh negatif televisyen. Dengan kata lain, menonton televisyen hari ini, jika tidak dikawal akan mendatangkan lebih banyak keburukan berbanding kebaikan. Oleh kerana itu, FOMCA telah mengambil inisiatif untuk mengadakan kempen “minggu tidak menonton televisyen” bertujuan memastikan kesinambungan kelestarian pembangunan modal insan yang terdiri dari generasi yang berilmu dan berakhlak tinggi.

Justeru, artikel ini menilai sejauh manakah hubungan yang dikatakan wujud itu mampu memperlihatkan pengaruh yang signifikan dalam tingkah laku atau akhlak remaja Islam dan membuktikan secara empirikal sejauh manakah remaja mengambil manfaat daripada media tersebut dalam menentukan apa yang harus mereka lakukan atau apa yang tidak harus mereka lakukan. Untuk melihat kesignifikannya, penulis turut menyenaraikan pembolehubah-pembolehubah yang lazimnya dikatakan turut mempunyai pengaruh dalam tingkah laku, akhlak atau moral remaja seperti ibu bapa, budaya sekolah dan rakan-rakan sebaya bertujuan melihat perbandingan dan faktor-faktor yang mendominasi pembentukan tingkah laku dan penghayatan akhlak remaja.

METOD KAJIAN

Artikel ini menggunakan pendekatan kuantitatif dan kaedah tinjauan sebagai metod kajian. Soal selidik merupakan instrumen utama bagi kerja-kerja pemerolehan data melalui sampel yang telah dipilih secara rawak bagi mewakili populasi dan diagihkan berdasarkan kepada jumlah populasi remaja di bandar dan luar bandar. Jumlah sampel yang dipilih adalah seramai 1,504 orang terdiri daripada penuntut-penuntut Melayu di sekolah-sekolah menengah kebangsaan di Semenanjung Malaysia. Walau bagaimanapun, jumlah dan peratus responden yang dipilih tidak dapat ditentukan melalui kaedah *proportionate allocation* disebabkan oleh jumlah populasi di antara negeri yang tidak seimbang. Pemilihan responden pada tahap umur ini dibuat kerana secara umumnya mereka telah melepasi tahap kematangan umur baligh

(melebihi 15 tahun) yang ditentukan sebagai had umur bagi memikul tanggungjawab (Abdullah Nasih 1984). Remaja-remaja di peringkat ini juga telah mengikuti proses pengalaman pembelajaran melalui kurikulum Pendidikan Islam selama sekurang-kurangnya sembilan tahun di peringkat rendah (KBSR) dan menengah (KBSM) dan diandaikan mampu menilai diri mereka dalam aspek penghayatan ajaran Islam yang telah diperolehi melalui kurikulum Pendidikan Islam dalam sistem pendidikan kebangsaan. Data kajian diproses menggunakan perisian SPSS dan mengaplikasikan dua kaedah analisis iaitu deskriptif dan inferensi.

IMPLIKASINYA MEDIA PENYIARAN DALAM PEMBENTUKAN AKHLAK PENUNTUT-PENUNTUT MELAYU

Kajian ini telah melibatkan seramai 1,504 orang pelajar Melayu di sekolah-sekolah menengah kebangsaan yang mewakili empat zon di Semenanjung Malaysia iaitu zon tengah, zon timur, zon selatan dan zon utara. Secara keseluruhannya, profil responden kajian berdasarkan jantina menunjukkan seramai 623 orang (41.4%) responden kajian terdiri daripada pelajar lelaki dan seramai 907 orang (58.6%) daripada pelajar-pelajar perempuan. Profil responden kajian berdasarkan lokasi dan aliran sekolah pula menunjukkan bahawa seramai 463 orang (30.8%) responden adalah daripada sekolah menengah kebangsaan kawasan bandar dan 1,041 orang (69.2%) daripada sekolah menengah kebangsaan kawasan luar bandar. Seterusnya profil responden yang terlibat dalam kajian ini berdasarkan aliran sekolah pula adalah seramai 597 orang pelajar (39.7%) daripada sekolah menengah kebangsaan aliran sains dan seramai 907 orang pelajar (60.3%) daripada aliran sastera.

Bagi membincangkan persoalan sejauh manakah pengaruh media penyiaran dalam pembentukan akhlak, data yang diperolehi telah dianalisis dan dilaporkan menggunakan analisis inferensi melalui ujian *regression*. Sebelum analisis statistik inferensi ini dijalankan, terlebih dahulu pengkaji melakukan ujian normaliti data bagi melihat sama ada data yang dianalisis mempunyai data yang ekstrem (*outliers*) dan menepati taburan normal ataupun tidak. Ujian ini sangat penting untuk mendapatkan kesahan dan ketepatan dapatan kajian, kerana data yang ekstrem dan taburan yang tidak normal kemungkinan besar menyebabkan kesilapan jenis I (menolak hipotesis yang sepatutnya diterima) berlaku (Alias Baba 1999; Pallant 2001).


Dalam kajian ini juga, pengkaji telah meletakkan pembolehubah-pembolehubah lain bagi mewujudkan perbandingan. Pembolehubah-pembolehubah yang dimaksudkan adalah ibu bapa, guru-guru, rakan-rakan, budaya sekolah dan masyarakat bagi menentukan pengaruh yang mana lebih dominan dalam membentuk akhlak pelajar. Dalam hal ini, analisis *multiple regression*

(*stepwise*) telah digunakan. Beberapa data yang boleh mengganggu (*casewise diagnostics*) kebolehppercayaan dapatan *regression* ini telah digugurkan sebelum analisis *regression* dijalankan. Andaian-andaian regrasi linear seperti ujian kesamaan varians dan ujian *normality* serta aspek-aspek koloneariti telah dijalankan mengikut kaedah yang ditentukan (Tabachnick dan Fidell 2001; Hair et al. 2006). Jelasnya, analisis regrasi ini melibatkan enam peramal iaitu ibubapa, guru-guru, rakan-rakan, media, budaya sekolah dan masyarakat. Sedangkan pembolehubah akhlak pelajar adalah sebagai (*criterion*) kepada keenam-enam pembolehubah bebas tersebut.

Daripada analisis yang dijalankan didapati bahawa terdapat lima varian yang signifikan iaitu faktor guru-guru, faktor media, faktor ibu bapa, faktor budaya sekolah dan faktor rakan-rakan dalam mempengaruhi akhlak pelajar. Sementara itu, pembolehubah budaya masyarakat didapati tidak muncul sebagai peramal terhadap penghayatan akhlak pelajar. Nilai-nilai yang diperolehi daripada ujian ini adalah $F = 360.45$, $Sig = 0.000 < 0.05$ (faktor guru-guru) dan $F = 242.39$, $Sig = 0.000 < 0.05$ (faktor artis) dan $F = 191.67$, $Sig = 0.000 < 0.05$ (faktor ibu bapa), $F = 158.48$, $Sig = 0.000 < 0.05$ (faktor budaya sekolah) dan $F = 127.99$, $Sig = 0.000 < 0.05$ (faktor rakan-rakan). Sedangkan nilai nilai Beta pula adalah, faktor guru-guru (Beta = 0.290, $t = 10.57$, $Sig = 0.000$ dan $R^2 = 0.198$), faktor media (Beta = 0.235, $t = -10.10$, $Sig = 0.000$ dan $R^2 = 0.250$), faktor ibu bapa (Beta = 0.194, $t = 7.35$, $Sig = 0.000$ dan $R^2 = 0.283$), faktor budaya sekolah (Beta = 0.165, $t = 6.78$, $Sig = 0.000$ dan $R^2 = 0.303$) dan faktor rakan-rakan (Beta = 0.53, $t = -2.12$, $Sig = 0.034$ dan $R^2 = 0.304$).

Dapatan ini menunjukkan bahawa 19.8% faktor guru, 25.0% faktor media, 28.3% faktor ibu bapa, 30.3% faktor budaya sekolah dan 30.4% faktor rakan-rakan memberikan kesan atau menyumbang terhadap penghayatan akhlak pelajar-pelajar. Kesimpulan yang dapat diambil daripada dapatan regrasi ini adalah, apabila skor faktor guru-guru meningkat seunit maka skor penghayatan akhlak pelajar-pelajar akan meningkat sebanyak 0.290 unit. Apabila skor faktor media meningkat seunit maka skor penghayatan akhlak pelajar akan menurun sebanyak 0.235 unit. Apabila skor faktor ibu bapa meningkat seunit maka, skor penghayatan akhlak pelajar akan meningkat sebanyak 0.194 unit dan apabila skor faktor budaya sekolah meningkat seunit maka skor penghayatan akhlak pelajar akan meningkat sebanyak 0.165 unit. Apabila faktor rakan-rakan meningkat seunit, skor penghayatan akhlak pelajar pula akan menurun sebanyak 0.53 unit.

Analisis ini jelas menunjukkan bahawa pengaruh ibu bapa, guru-guru, rakan-rakan dan budaya sekolah secara keseluruhannya memberi sumbangan yang signifikan terhadap tahap penghayatan akhlak responden dalam kajian ini. Dapatan ini menunjukkan bahawa faktor penyumbang tertinggi terhadap pembentukan akhlak



RAJAH 1. Analisis Inferensi Kesan Pemboleh-pembolehubah Terhadap Penghayatan Akhlak Penuntut Melayu

pelajar adalah faktor rakan-rakan, diikuti oleh faktor budaya sekolah, faktor ibu bapa, faktor media dan faktor guru-guru. Walau bagaimanapun bila dilihat kepada nilai beta yang diperolehi, faktor rakan dan faktor media boleh memberikan pengaruh dan kesan yang negatif terhadap penghayatan akhlak pelajar-pelajar Melayu kerana kedua-dua pembolehubah ini menunjukkan akhlak pelajar-pelajar akan menurun beberapa unit sekiranya faktor rakan dan media ini meningkat seunit. Jelasnya, analisis sumbangan ini mendapati, media juga mempunyai pengaruh yang signifikan terhadap tahap penghayatan akhlak responden. Oleh kerana itu, adalah penting bagi mereka yang terlibat dengan media khususnya golongan artis memiliki akhlak yang baik dan terpuji kerana segala perkataan dan tingkah laku mereka menjadi perhatian awam khususnya kepada remaja ketika mereka menjalani proses pembentukan diri kerana umumnya, selain pendidikan formal di sekolah remaja turut terdedah dengan input pendidikan daripada institusi tidak formal khususnya media-media penyiaran. Dalam hal ini, Marshall McLuhan (dlm Stanley dan Bennis 2006) berpendapat, perkembangan teknologi di era globalisasi ini akan menyaksikan remaja berupaya memperoleh maklumat melalui pelbagai media dan tanpa had sekaligus merangsang perubahan yang besar dalam pembentukan budaya berfikir dan tindakan sosial remaja. Oleh kerana itu, sistem media ini perlu diselaraskan sebaik mungkin dalam usaha melebarkan maklumat-maklumat yang berfaedah di samping meminimumkan maklumat-maklumat difikirkan mampu merosakkan pembangunan mereka. Persoalan-persoalan keuntungan khususnya yang berbentuk hiburan mesti diambil kira dan diseimbangkan bersama input-input yang mampu merangsang perkembangan minda dan sahsiah diri remaja dalam usaha membentuk bangsa dan negara yang sejahtera.

Dalam hal ini, Ibn Khaldun (2002) berpendapat, persekitaran yang baik perlu bagi menghasilkan akhlak yang baik dan akhlak yang baik itu perlu lahir dari diri sendiri berdasarkan pengamatannya kepada faktor-faktor persekitaran yang boleh mempengaruhi tabiat hidup manusia. Jelasnya, selain dari pengalaman pembelajaran, proses pembentukan akhlak manusia

juga boleh dipengaruhi oleh faktor-faktor persekitaran di mana seseorang itu menjalani kehidupan. Faktor persekitaran yang dimaksudkan termasuklah elemen-elemen kemanusiaan, seperti pengaruh ibu bapa, pengaruh guru-guru, pengaruh rakan sebaya dan pengaruh masyarakat, atau juga elemen-elemen bukan kemanusiaan seperti pengaruh pelbagai jenis media yang diterima oleh seseorang semasa menjalani proses kehidupan mereka. Berne (1964) menyatakan tingkah laku, pemikiran dan perasaan manusia pada dasarnya tidak terlepas daripada pengaruh-pengaruh persekitaran, terutama sekali oleh harapan dan desakan yang dibuat oleh orang yang rapat dengan diri mereka seperti rakan sebaya, keluarga dan masyarakat dewasa. Faktor-faktor persekitaran ini mampu mempengaruhi seseorang dalam membuat keputusan walaupun manusia tidak semestinya terkongkong dengan keputusan tersebut.

KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, artikel ini telah memberi gambaran tentang sejauh mana hubungan dan pengaruh media terhadap tingkah laku dan akhlak pelajar-pelajar Melayu di sekolah menengah kebangsaan di Semenanjung Malaysia. Secara deskriptif, tahap penghayatan akhlak responden berdasarkan pengaruh-pengaruh yang dikaji adalah sederhana rendah. Nilai ini dipengaruhi oleh sebahagian besar daripada pengaruh rakan-rakan dan budaya sekolah yang lazimnya menyumbang antara satu sama lain. Faktor media penyiaran bukanlah faktor yang mendominasi akhlak dan tingkah laku pelajar sebagaimana yang diwar-warkan oleh sesetengah media. Namun, signifikan media ini perlu dikawal adalah sangat penting berdasarkan dapatan yang menunjukkan akhlak pelajar-pelajar semakin negatif seandainya mereka ini terdedah kepada imej songsang yang diberikan oleh media. Dengan kata lain, satu perkara yang membimbangkan adalah apabila media, meskipun kesan faktor media terhadap penghayatan akhlak pelajar adalah lebih rendah berbanding dengan kesan faktor ibu bapa dan guru, ia dilihat boleh memberikan kesan yang negatif terhadap tahap penghayatan akhlak pelajar. Justeru, perlu ada langkah-langkah tertentu yang berupa alternatif yang diberikan dalam pelbagai medium yang lazimnya didominasi oleh golongan terlibat dengan media khususnya artis untuk tatapan generasi muda yang sekaligus mampu mengawal pengaruh negatif yang dibawa oleh artis ini daripada terus merebak. Ringkasnya, dapatan kajian menunjukkan bahawa meskipun pengaruh faktor media penyiaran terhadap akhlak adalah rendah namun dilihat kepada nilai (beta) yang diperolehi, pengaruh ini boleh memberikan kesan negatif terhadap penghayatan akhlak remaja Melayu.

RUJUKAN

- Ab. Halim Tamuri & Zarin Ismail. 2009. Hubungan antara pegangan nilai moral dengan media massa: Tinjauan ke atas remaja Melayu luar bandar. *Sari* 27: 199-212.
- Abdullah Nasih Ulwan. 1995. *Pendidikan Kanak-kanak dalam Islam*. Terj. Syed Ahmad Semait. Singapura: Pustaka Nasional.
- Alias Baba. 1999. *Statistik Penyelidikan dalam Pendidikan dan Sains Sosial*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Berne, E. 1964. *Games People Play: The Psychology of Human Relationships*. New York: Ballantine Books.
- Bianculli, D. 2002. *Teletiteracy: Taking Television Seriously*. New York: Syracuse University Press.
- Caldwell, J.T. 2000. *Theories of the New Media: A Historical Perspective/ Edited and with an Introduction*. London: The Athlone Press.
- Darraz, Muhammad cAbdullah. 1987. *Prinsip Akhlak Berdasarkan al-Quran*. Terj. Abdul Fatah Ibrahim, Mohd Sulaiman Yasin, Wan Amna Wan Yaacob & Abdullah Md Zin. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Dominick, J.R., Messere, F. & Sherman, B.L. 2004. *Broadcasting, Cable, the Internet and Beyond: An Introduction to Modern Electronic Media*. 5th edition. Boston, MA: McGraw-Hill.
- Evans, T. & Denny, M.R. 1978. Emotionality of pictures and the retention of related and unrelated phrases. *Bulletin of the Psychonomic Society* 11: 149-152.
- Fatawi Mokhtar. 2000. Penggunaan efektif rancangan televisyen pendidikan dan pelan pengajaran berbantuan televisyen. Kertas Kerja Kursus Penggunaan Rancangan TV Pendidikan dalam Pengajaran. Bahagian Teknologi Pendidikan, 5-9 Jun.
- Fatawi Mokhtar & Maizurah Omar. 2001. Penggunaan rancangan TVP dalam pengajaran dan pembelajaran. Kertas Kerja Seminar Kebangsaan Penggunaan Bahan Sumber Pendidikan dalam Pengajaran dan Pembelajaran. Bahagian Teknologi Pendidikan, Kementerian Pendidikan Malaysia, 26-28 Jun.
- Francis, L.J. 1997. The socio-psychological profile of the teenage television addict. *Muslim Education Quarterly* 15(1): 6-19.
- Al-Ghazali, Abu Hamid Muhamed bin Muhammad. 1999. *Khuluq al-Muslim*. Al-Iskandariah: Dar al-Da'kawah li al-Tab'i wa al-Nasyr wa al-Tauzi'i.
- Grant, C.B. 1996. *Communication Technology Update*. Boston: Focal Press. Inc.
- Hair, J.F., Anderson, R.E., Tatham, R.L. & Black, W.C. 2006. *Multivariate Data Analysis*. Edisi Kelima. New Jersey: Prentice Hall.
- Ibn Khaldun, Abd al-Rahman bin Muhammad Khaldun al-Hadrami. t.t. *Mukaddimah Ibn Khaldun*. Bayrut, Lubnan: Dar al-Kitab al-'Ilmiyyah.
- Ibn Khaldun, Abd al-Rahman bin Muhammad Khaldun al-Hadrami. 2002. *Mukaddimah Ibn Khaldun*. Terj. Dewan Bahasa dan Pustaka. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Larking, L. 1997. Television, popular culture and humiliation of written word. *Muslim Education Quarterly* 15(1): 38-44.
- Mokhtar Ahmad. 2000. *Jalan Pantas Teknologi Maklumat: Fast Track to Information Technology*. Setapak Garden: Penerbitan Seribu Dinar.
- Neuman, W.L. 2003. *Social Research Methods: Qualitative and Quantitative Approaches*. 5th edition. USA: Pearson Education, Inc.
- Pallant, J. 2001. *SPSS Survival Manual*. Crow Nest, NSW: Allen & Unwin.
- Sherman, B.L. 1995. *Telecommunications Management: Broadcasting/Cable and the New Technologies*. 2nd edition. New York: McGraw-Hill, Inc.
- Stanley J.B & Dennis, K.D. 2006. *Mass Communication Theory: Foundation, Ferment, and Future*. Belmont, California: Wadsworth Publishing Company.
- Tabachnick, B.G & Fidell, L.S. 2001. *Using Multivariate Statistics*. 4th edition. Boston: Allyn and Bacon.

Ahmad Munawar Ismail, Ph.D
 Jabatan Usuluddin & Falsafah
 Fakulti Pengajian Islam
 Universiti Kebangsaan Malaysia
 43600, UKM Bangi
 Selangor
 dhamir10@gmail.com